

TRAIT PERSONALITI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK MURID

Mohammad bin Abu Bakar

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
fitratulhayat@gmail.com

Mohd Aderi Bin Che Noh

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
aderi@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tanggungjawab yang dipikul oleh Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) amat penting dalam Pendidikan Islam hari ini. Ini kerana personaliti Guru KAFA mempunyai pengaruh dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan sentiasa menjadi perhatian murid-murid. Profesionalisme Guru KAFA yang rajin, bertanggungjawab, sabar, ceria, kasih sayang dan aktif akan memberi kesan positif dalam Pendidikan KAFA. Pendekatan pengajaran yang efisien dan kreatif pula akan meningkatkan lagi keinginan murid untuk terus fokus dalam sesi pembelajaran yang dijalankan. Personaliti Guru KAFA yang berakhlak mulia dapat dilihat sebagai *role model* atau contoh ikutan yang baik kepada murid, ibubapa dan masyarakat. Selain itu, gabungan amalan dan kemahiran pengajaran yang sistematik dapat membantu murid untuk mudah faham ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru KAFA. Profesyen sebagai Guru KAFA juga kini mendapat tempat dan merupakan pilihan kerjaya dalam sistem Pendidikan di Malaysia hari ini. Kajian berteraskan kualitatif ini menjelaskan penerapan nilai yang dijadikan aspek penting dalam pengajaran. Kajian mendapati peranan Guru KAFA dalam membentuk kemenjadian murid tidak perlu dinafikan lagi walaupun terdapat tanggapan negatif oleh sebilangan individu atau masyarakat terhadap profesion ini, bidang pendidikan telah menjadi pilihan ramai para graduan lepasan universiti awam dan swasta kerana dapat menjamin masa depan yang cerah dan terjamin.

Kunci Kata: *Guru KAFA, Personaliti Guru, Profesionalisme, Amalan Pengajaran, Kemahiran pengajaran.*

1.0 PENDAHULUAN

Sejarah telah menjelaskan bahawa pendidikan yang holistik dan komprehensif adalah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan yang baik perlu berteraskan kepada konsep tauhid dalam membentuk keperibadian insan yang berilmu dan beramal soleh (Haron & Sobri 1988). Menurut Lukman (2014) pula pendidikan Islam adalah bertujuan melahirkan generasi manusia yang kompeten sama ada dalam aspek rohani dan jasmani bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Kedua-dua penulis memberikan definisi dan interpretasi berbeza tentang pendidikan sama ada definisi berbentuk umum dan khusus tetapi penulis-penulis bersetuju bahawa pendidikan Islam yang bersumberkan al-Quran adalah pendidikan terbaik dalam pembentukan akhlak dan keperibadian murid dalam arus pendidikan semasa. Ini

amatlah bertepatan dengan obkektif penubuhan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) untuk memastikan kanak-kanak yang beragama Islam berumur di antara 7 hingga 12 tahun dapat membaca al-Quran dan mempelajari pengetahuan Fardhu Ain dengan baik.

Pendidikan Islam berasaskan (KAFA) yang menepati kehendak arus pendidikan perdana akan membina sahsiah dan kemenjadian murid berkualiti umumnya dan kepada murid KAFA khususnya. Menurut Ruzlan (2017) kemenjadian murid bermaksud kejayaan seseorang guru dalam mendidik muridnya menyebabkan muridnya dapat menguasai apa yang telah diajar, bukan sahaja dari segi nilai pendidikan bahkan nilai-nilai moral yang menjadikan murid itu sempurna. Justeru itu, jelaslah bahawa penekanan antara akademik dan sahsiah diri apabila diadun dengan baik akan melahirkan kemenjadian murid yang diidamkan oleh masyarakat sebagai warisan bangsa bertamadun dan berpendidikan.

Personaliti guru juga menjadi perhatian murid dalam membina keperibadian diri mereka sama ada dalam bentuk perlakuan dan percakapan. Pandangan ini disokong oleh Suresh Kumar (2016) bahawa seseorang murid akan membina diri mereka melalui hubungan dengan individu dewasa seperti guru yang cukup mengambil berat terhadap keperluan mereka. Ini mengukuhkan bahawa hubungan yang terjalin antara guru dan murid secara tidak langsung akan memandu kepada penampilan diri murid sama ada dalam aspek komunikasi dengan individu lain dan aspek pembangunan diri. Cabaran yang perlu dihadapi dalam Pendidikan Islam Berasaskan KAFA pada hari ini ialah peranan guru ke arah kemenjadian murid. Justeru itu amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, personaliti guru dan alat bantu mengajar adalah fokus utama dalam kajian ini. Keempat-empat elemen ini amat penting dalam mengenal pasti potensi guru yang berilmu dan berkemahiran.

Guru berperanan penting dalam menyampaikan penerapan nilai Islam kepada murid selain perlu mahir sebagai seorang guru yang berilmu dan berpengetahuan selain memahami konsep pendidikan KAFA dengan jelas (JAKIM 2017). Latihan kemahiran seperti kemahiran pedagogi dan kawalan kelas perlu bagi melahirkan guru yang cekap dalam urusan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Masa yang terhad dan penumpuan kepada pengajaran al-Quran tidak dapat dilaksana secara menyeluruh menyebabkan ramai-murid yang ketinggalan dan menyebabkan mereka tidak mempelajari pendidikan al-Quran dan Fardhu Ain. Cabaran ini perlu diatasi agar kanak-kanak Islam tidak akan ketinggalan dalam pendidikan agama di masa akan datang. Ini bertepatan dengan penegasan Baharom Mohamad (2008) bahawa Pendidikan Islam berperanan membentuk personaliti diri murid yang mencakupi aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi ke arah penghasilan kemenjadian murid seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara.

2.0 LATAR BELAKANG

Pada tahun 1980, satu kajian telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang diselaraskan oleh Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mendapati ramai kanak-kanak Islam tidak boleh membaca Al-Quran dengan baik dan tidak beramal dengan perkara asas Fardhu Ain. Sejarah bermula apabila pada tahun 1988, JAKIM atau Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, telah mengemukakan kepada kerajaan Program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) bagi membendung masalah

buta huruf di kalangan kanak-kanak dan remaja Islam di negara ini. Melihat kepada kepentingan pendidikan, Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam pada 17 Januari 1989 telah bersetuju supaya rancangan kelas KAFA diadakan di seluruh negara bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun sehingga 12 tahun. Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 13 September 1989 telah meluluskan pelaksanaan program KAFA.

Akhirnya, pada awal tahun 1990 Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) untuk memperkukuh murid Islam supaya membaca al-Quran dengan baik dan membentuk kemenjadian murid yang cemerlang dunia dan akhirat. Menurut Ruzlan (2017) kemenjadian murid bermaksud hasil cemerlang seseorang guru dalam membimbing muridnya agar dapat menguasai apa yang telah diajarkan dengan baik, bukan sahaja dari segi nilai pendidikan bahkan penerapan nilai moral yang menjadikan murid itu berilmu dan berakhlak mulia. Maka, jelaslah pengajaran berasaskan KAFA ini amat penting ke arah kemenjadian murid di Malaysia.

Pengajaran di dalam kelas KAFA merupakan pendidikan asas dalam amalan Fardhu Ain seperti bacaan solat, doa harian, mengeja, menghafaz dan membaca al-Quran. Manakala masa yang diperuntukkan hanya 3 jam sehari dan 3 hari seminggu. Berikutan masa yang terhad guru KAFA perlu mengatasi masalah murid yang lemah dalam mengingat dan memahami pelajaran dalam tempoh masa yang singkat. Kemahiran pengajaran guru yang kurang berkesan akan menyebabkan prestasi dan kemampuan murid sentiasa berada ditahap yang sederhana. Peratus kehadiran murid juga merosot kerana murid telah terdedah dengan cuti yang panjang. Guru KAFA perlu melaksanakan Pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada murid selain mereka perlu melengkapkan diri sebagai seorang guru yang berilmu dan berpengetahuan selain memahami konsep pendidikan KAFA dengan jelas (Bahagian Kemajuan Islam 2017). Justeru itu, kemahiran pedagogi sedia ada adalah tidak memadai dan perlu diperkemas dengan teknik dan kemahiran yang lebih berkesan. Kemahiran pendidikan guru juga perlu ditambahbaik dari masa ke semasa. Justeru, sebagai agensi penyelarasan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan melaksanakan Latihan Profesionalisme Guru KAFA dirancang bagi meningkatkan kemahiran guru KAFA.

Melalui pengamatan pengkaji yang bertugas sebagai Pegawai di Unit Latihan dan Pemantauan, Seksyen Pengurusan KAFA di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan berpengalaman hampir 7 tahun di dalam pengurusan pendidikan KAFA di Malaysia. Penyelidik mendapati penyelarasan kelas KAFA masih tidak dapat diselaraskan berkenaan waktu pengajaran. Sebilangan negeri menggunakan 3 hari dan 3 jam waktu pengajaran KAFA. Akan tetapi, terdapat juga negeri yang mengamalkan 5 hari dan 3 jam waktu pengajaran. Situasi ini menjadi kesukaran kepada pihak penyelarasan di peringkat persekutuan dalam memastikan KAFA di Malaysia dapat disepadu dan diselaraskan. Penyelidik juga berpendapat teknik pengajaran guru melalui kaedah tradisional yang digunakan seperti saranan Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling (2005) kaedah *chalk and talk* perlu digantikan dengan teknologi dan kemahiran yang terkini sesuai dengan perkembangan semasa. Lantaran itu, fokus kajian terhadap teknik pengajaran abad 21 perlu diadaptasi bagi memperkemas teknik pengajaran dan pembelajaran di kelas KAFA selain mempertingkatkan kemampuan personaliti diri guru KAFA. Guru KAFA juga bertanggungjawab dalam menambahbaik kemahiran pengajaran serta melengkapkan

ilmu dengan kemahiran pedagogi terkini. Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Peningkatan personaliti, kemahiran dan penguasaan guru KAFA melalui teknik pengajaran abad ke-21 dapat membantu mengatasi masalah personaliti guru sebagai *murabbi* atau pembimbing tidak diketengahkan, kemahiran guru yang masih ditahap rendah dan kaedah pengajaran al-Quran yang kurang berkesan dapat diatasi. Kajian ini amat penting dalam memastikan kanak-kanak Islam tidak buta al-Quran dan dapat mengamalkan ilmu pengetahuan Fardhu Ain dengan baik dan betul melalui teknik pengajaran yang berkesan. Pendidikan KAFA juga diharap dapat membentuk personaliti murid yang memiliki peribadi dan sahsiah diri yang boleh dijadikan kebanggaan kepada keluarga, sekolah dan masyarakat disekelilingnya. Ini bertepatan dengan penegasan Baharom Mohamad (2008) bahawa Pendidikan Islam berperanan membentuk personaliti murid yang mencakupi aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani ke arah kemenjadian murid seiring dengan falsafah Pendidikan Negara. Jelaslah di sini bahawa selain keperluan untuk mempertingkatkan kemahiran guru KAFA, kajian ini bertujuan untuk mengatasi masalah kanak-kanak Islam hari ini, agar tidak ketinggalan dalam mendapatkan ilmu dan pendidikan agama pada masa akan datang.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Hari ini amat malang kerana ramainya guru yang hadir mengikuti latihan kemahiran pendidikan tidak mempraktikkan sepenuhnya kemahiran dan latihan yang diberikan sama ada di peringkat persekutuan atau di peringkat negeri. Saedah dan Mohamed Sani (2012) menegaskan bahawa kesan daripada sikap yang kurang bertanggungjawab ini menyebabkan kemahiran pengajaran guru masih di tahap rendah. Ini menjadi kebimbangan kepada agensi bertanggungjawab sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan. Perihal ini berlaku kerana guru menganggap kehadiran ke bengkel latihan adalah sekadar arahan dari majikan yang perlu dipatuhi oleh pekerja dan bukan sebagai satu tanggungjawab seorang guru untuk mempertingkatkan kemahiran bagi menambahbaik prestasi murid dan reputasi sekolah. Menurut Anuar Ahmad (2015) pelajar yang berkualiti merupakan hasil daripada pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan. Kajian ini diperlukan agar guru menggunakan peluang menghadiri bengkel kemahiran dan latihan sebagai modul tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sekiranya kajian ini berjaya dilakukan maka akan lahir guru yang kompeten, komitmen dan berintegriti dalam melaksanakan tugas sebagai guru dan pendidik.

Hasrat pengurusan KAFA tidak akan tercapai selagi wujud kaedah pengajaran Al-Quran dan mata pelajaran lain yang dilaksanakan kurang berkesan. Misnan, Abdul Halim dan Azmil (2014) menegaskan bahawa teori pengajaran Ibnu Khaldun boleh dijadikan landasan dalam teknik pengajaran Al-Quran iaitu dengan memberi penekanan kepada penggunaan Alat Bantu Mengajar. Manakala menurut Kamarul Azmi & Mohd Aderi (2013) dan Abdul Rasid & Hasmah (2013) kemahiran dan perlakuan guru dalam pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penulis menjelaskan bahawa kaedah pengajaran seperti latih tubi dan teknik tunjuk cara perlu dilaksanakan bagi menangani masalah teknik pengajaran kepada murid. Penyelidik mendapati isu ini wujud dari sikap guru yang menggunakan kaedah pengajaran yang tidak sistematik dan kurang prihatin dalam menyemak tahap pembacaan Al-Quran murid tanpa membuat pembetulan agar kesalahan

tersebut dapat diperbaiki. Guru yang kurang mengikuti latihan juga merupakan salah satu punca kepada berlakunya penyampaian kaedah pengajaran yang kurang berkesan.

Kesannya dapat dilihat kepada murid yang membaca Al-Quran dengan tersekat-sekat dan tidak bertajwid. Sekiranya kajian ini berjaya dilaksanakan, hasil kemenjadian murid khususnya dalam kemahiran membaca Al-Quran dan menghafaz akan dapat dilihat dalam masa yang singkat kerana teknik pengajaran yang berstruktur dan mengikut kaedah yang tepat dan betul.

Walaupun bagaimanapun, berlaku keadaan di mana personaliti guru sebagai seorang murabbi atau pembimbing tidak diperlihatkan. Ini bertepatan dengan pandangan Ainomadiyah et al (2016) dalam Zahari & Low, (2013) melalui satu kajian salah laku pelajar menunjukkan personaliti seorang guru merupakan faktor utama berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar seperti vandalisme, ponteng sekolah, lewat masuk ke kelas dan tidak menghormati terhadap guru di sekolah. Hari ini kian tersebar kes salah laku di media massa yang melibatkan pelajar di peringkat rendah dan menengah. Tidakkah perihal ini memberi persoalan kepada diri kita bahawa pendidikan agama perlu dilaksanakan secara berterusan dalam membentuk keperibadian diri murid, pelajar dan mahasiswa sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Justeru, persekitaran sosial murid perlu diperhatikan dengan serius dalam pembentukan jati diri mereka. Pandangan ini disepakati oleh Zakaria Setapa et al. (2012) bahawa elemen pembelajaran sosial seperti permodelan, peneguhan, maklum balas dan nasihat yang sedia wujud dalam kehidupan pelajar perlu digerakkan secara bersepadu kerana ia akan memberi sumbangan positif ke arah pembentukan akhlak dan kemenjadian murid.

Kajian ini menjelaskan bahawa personaliti guru amat penting dalam membentuk keperibadian murid di sekolah. Sekiranya kajian ini berjaya dilaksanakan, guru akan lebih bermotivasi untuk memperbaiki personaliti agar dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada murid dan masyarakat sekitar. Guru yang mengamalkan tingkah laku baik seperti sabar, mengambil berat, mesra, peramah, prihatin dan menepati masa hadir ke kelas, akan digemari dan dihormati oleh muridnya.

Kajian ini dijangka akan memberi manfaat yang besar kepada pengurusan pendidikan Islam khususnya kepada ibubapa, masyarakat, pemerintah dan agensi yang bertanggungjawab. Selain itu, kajian ini penting dalam menilai pelaksanaan gaya pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan dalam kurikulum Kafa. Kesimpulannya, personaliti yang baik dan kemahiran pengajaran yang berkesan amat penting dalam memastikan murid Kafa memahami ilmu yang dipelajari serta akan mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan harmoni.

Definisi Personaliti Guru

Dalam Kepimpinan al-Ghazali sering dijelaskan berkenaan istilah personaliti guru '*mursyid*'. Perkataan *murshid* bermaksud pemberi petunjuk yang berasal dari kata kerja *arshada* atau *irshad*. Menurut al-Quran kata *irshad* memberi maksud jalan petunjuk dan penunjuk ke jalan yang benar. Inilah juga peranan besar seorang guru dalam memimpin muridnya menjadi insan soleh dan berakhlak mulia. Menurut Agung Setiyawan (2017) di antara kriteria guru *murshid* adalah memiliki sifat adil kepada semua muridnya tanpa membezakan layanan antara satu murid dengan murid yang lain. Selain itu guru harus bersikap tegas serta berhemah dalam menegur kesilapan murid. Situasi ini juga dapat memupuk rasa hormat murid kepada guru.

Pandangan al-Ghazali ini juga menepati pandangan Mastor K. (2008) bahawa personaliti dan kepimpinan guru adalah merupakan salah satu aspek profesionalisme perguruan. Personaliti guru merujuk Md. Nasir Masran (2000) adalah ciri-ciri personaliti unggul seperti bersikap adil, sabar, tegas, kesungguhan, mesra, prihatin, kerjasama, menepati masa, bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Personaliti guru dapat dilihat melalui tingkah laku dan penampilan guru semasa di sekolah. Justeru itu, personaliti guru yang positif memainkan peranan kerana ia akan mempengaruhi sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Trait Personaliti dan Amalan Pengajaran Guru KAFA Membentuk Akhlak Murid

Amalan pengajaran dan trait personaliti guru merupakan dua aspek penting yang perlu diambil perhatian. Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sentiasa menjadi perhatian masyarakat dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Merujuk kepada definisi yang diberikan oleh Grasha (1994) iaitu gaya pengajaran sebagai keperluan, corak dan keperibadian guru ketika sesi pengajaran di dalam kelas. Ia merangkumi hubungan komunikasi murid dan guru, pengawalan kelas, penyampaian maklumat pengajaran dan bimbingan guru yang diberikan kepada murid. Grasha (1996) pula menegaskan guru perlu memahami gaya pengajarannya agar kebolehan mengajar mereka dapat dipertingkatkan

Dari itu, guru KAFA sentiasa dianggap sebagai *role model* dan contoh tauladan yang baik di kalangan murid, ibubapa dan masyarakat sekitar. Ini menunjukkan bahawa tugas sebagai guru merupakan tanggungjawab yang besar dalam mendidik anak bangsa menjadi insan yang berakhlak mulia. Amalan pengajaran guru ini merujuk kepada teori kepimpinan guru al-Ghazali. Dalam kajian ini kepimpinan guru adalah merujuk kepada definisi yang diberikan oleh al-Ghazali iaitu proses menggerakkan manusia menuju ke suatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan dan tanpa paksaan (Hisham Altalib 1992). Manakala menurut Hailan Salamun (2011), kepimpinan Islam berkait dengan amanah, mengawal, menjaga orang yang dipimpin, membangunkan kehidupan mereka dan menghubungkannya dengan Allah SWT semata-mata untuk mendapatkan keredaan-Nya. Inilah peranan sebenar seorang guru dalam memimpin dan mendidik murid dengan ilmu agar mendapat keredhaan serta keberkatan daripada Allah.

Grasha (1996) memperkenalkan model gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran fasilitator, model personal, pakar, autoriti formal dan gaya pengajaran delegator.

a. Gaya Pengajaran Fasilitator

Gaya Pengajaran Fasilitator adalah guru yang melihat interaksi sebagai aspek yang penting. Bersedia untuk membimbing serta memberi galakan kepada murid. Antara kenyataan gaya pengajaran ini ialah “Saya bersedia membantu murid pada setiap masa”.

b. Gaya Pengajaran Model Personal

Gaya Pengajaran Model Personal adalah menjadikan guru sebagai model. Guru yang menggunakan Gaya pengajaran Model Personal akan membimbing menerangkan kaedah dan prosedur di dalam kelas. Antara kenyataan gaya pengajaran ini ialah “Saya menggunakan kaedah bermain untuk memantapkan kefahaman murid”.

c. Gaya Pengajaran Pakar

Gaya Pengajaran Pakar menerangkan ciri guru yang berpengetahuan, berkemahiran dan fokus kepada pengajaran di dalam kelas. Antara kenyataan gaya pengajaran ini ialah “Saya mengajar dengan menggunakan pelbagai teknik pengajaran”.

d. Gaya Pengajaran Autoriti Formal

Guru yang menggunakan Gaya Pengajaran Autoriti Formal akan sering memberikan maklum balas kepada tugas dan kerja yang diberikan kepada murid. Antara kenyataan gaya pengajaran ini ialah “Saya sentiasa meraikan pandangan dan maklumbalas yang diberikan oleh murid”.

e. Gaya Pengajaran Delegator

Gaya Pengajaran Delegator adalah guru melihat kemampuan murid dalam menyelesaikan tugas yang diberikan dan guru bertindak sebagai pemberi maklumat. Antara kenyataan gaya pengajaran ini ialah “Saya meminta murid yang pandai melakukan tunjuk cara bagi melancarkan proses pembelajaran”.

Dalam Kepimpinan al-Ghazali sering dijelaskan berkenaan istilah personaliti guru ‘*mursyid*’. Perkataan *murshid* bermaksud pemberi petunjuk yang berasal dari kata kerja *arshada* atau *irshad*. Menurut al-Quran kata *irshad* memberi maksud jalan petunjuk dan penunjuk ke jalan yang benar. Inilah juga peranan besar seorang guru dalam memimpin muridnya menjadi insan soleh dan berakhlak mulia. Menurut Agung Setiyawan (2017) di antara kriteria guru *murshid* adalah memiliki sifat adil kepada semua muridnya tanpa membezakan layanan antara satu murid dengan murid yang lain. Selain itu guru harus bersikap tegas serta berhemah dalam menegur kesilapan murid. Situasi ini juga dapat memupuk rasa hormat murid kepada guru.

Pandangan al-Ghazali ini juga menepati pandangan Mastor K. (2008) bahawa personaliti dan kepimpinan guru adalah merupakan salah satu aspek profesionalisme perguruan. Personaliti guru merujuk Md. Nasir Masran (2000) adalah ciri-ciri personaliti unggul seperti bersikap adil, sabar, tegas, kesungguhan, mesra, prihatin, kerjasama, menepati masa, bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Personaliti guru dapat dilihat melalui tingkah laku dan penampilan guru semasa di sekolah. Justeru itu, personaliti guru yang positif memainkan peranan kerana ia akan mempengaruhi sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Kepentingan Profesionalise Guru

Mohamad Khairi & Asmawati (2010) menjelaskan bahawa sistem pendidikan di negara kita mengfokuskan dasar pendidikan dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia, syumul dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sistem pendidikan ini adalah selaras dengan apa yang digambarkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN). Elemen-elemen positif seperti akhlakyang baik, bermoral dan penerapan nilai merupakan antara unsur yang penting dalam memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat dicapai. Ia juga jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkeupayaan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

Kepentingan profesionalisme guru melalui dua (2) perkara penting iaitu amalan pengajaran guru yang dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) kepada murid di dalam bilik darjah dan trait personaliti atau keperibadian akhlak yang dipamerkan guru dapat menarik perhatian murid agar menjadi ikutan dalam membentuk sahsiah diri mereka. Kemenjadian murid bukan sahaja digambarkan melalui cemerlang dalam bidang akademik semata-mata. Tetapi kecemerlangan dalam bidang kerohanian juga perlu dipertingkatkan agar menjadi perisai serta benteng yang utuh kepada murid amnya dan remaja khususnya agar tidak terpengaruh dengan gejala negatif. Pendidikan KAFA merupakan asas kepada Pendidikan Islam di peringkat rendah. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan Islam di peringkat menengah yang bersifat pengukuhan juga perlu dilaksanakan dan difikirkan sebagai transformasi Pendidikan hari ini.

Kesimpulan

Pihak pentadbir, pengurusan dan guru sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan akhlak dalam melahirkan murid yang cemerlang sahsiah dirinya. Selain itu Guru perlu menambahbaik kemahiran dan keupayaan mengajar dengan mengikuti latihan dan kursus kemahiran Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dari masa ke semasa. Guru KAFA perlu lebih peka dalam memastikan murid KAFA tidak tercicir dalam peningatan ilmu dan pembentukan akhlak di sekolah. Sesi pengajaran dan Pemudahcaraan perlu lebih ceria dan menyeronokkan agar murid tidak mudah boosan berada di dalam bilik darjah. Hasil dari keprihatinan terhadap penanaman akhlak, etika dan nilai moral akan memberi kesan yang positif di dalam pembangunan serta kemejadian murid.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. 2013. Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. JPBM, Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 49-63.
- Agung Setiyawan. 2017. Konsep Pendidikan Menurut Alghazali Dan Al-Farabi. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad. 2014. Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Alghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat. *Afkar Edisi Khas* (2014): 163-196.
- Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, jilid 1. Hlm. 55-58.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini. 2013. Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character*. UKM.
- Bahagian Kemajuan Islam. Garis Panduan KAFA 2011, JAKIM.

- Baharom Mohammad, Ali Suridan, Za'ba Helmi Khamisan. 2008. Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Universiti Teknologi Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan.
- Djamaluddin dan Abdullah Aly, Kapita Selektta Pendidikan Islam: Untuk IAIN, STAIN, PTAIS Fakultas Tarbiyah Komponen MKK (Bandung: CV Pustaka Setia, 1999), 15.
- Dodi Yastrawan. 2017. Profesionalisme Guru Dalam Meningkatkan Mutu Pendidikan Pada Era Globalisasi. Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja, Indonesia.
- Hailan Salamun. 2011. Kepimpinan Rabbani di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haron Din & Sobri Salamon. 1988. Masalah Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur. Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Hisham Altalib. 1992. Panduan Latihan untuk Petugas Islam. Kuala Lumpur: *The International Institute of Islamic Thought*. Nurin Enterprise. Hlm. 51.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri 1997. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia. Cetakan kelima.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. 2013. Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran. Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI. Kuala Lumpur.
- Lukman Hakimi Ahmad. 2014. Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(2) (2014):133-140.
- Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Zetty Norzuliana Mohd Rashed, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2013. Kaedah Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Negeri Selangor.
- Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Azmil Hashim. 2014. Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic and Arabic Language Education*. Vol. 1, Number 1, 2014:35-44.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. 2010. Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *SEA Journal of General Studies II*. Hlm. 117-130.
- Mohamad Khairi Othman. 2016. Pembentukan Akhlak Pelajar Menerusi Aplikasi Teknik-Teknik Penerapan Nilai Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 4, Issue 1.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf. 2013. Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1, Issue 2.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2005. Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum *KBSR I KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putra, Ary Antony. 2017. Konsep Pendidikan Agama Islam Perspektif Imam Al-Ghazali. **Al-Thariqah: Jurnal Pendidikan Agama Islam**, [S.l.], v.1, n.1, p.41-54, Ogos. 2017. ISSN 2549-8770.
- Ruzlan Mohd Yusof. 2017. Kepentingan Kemenjadian Murid. Negeri Sembilan. Temubual, 11 Mac.
- Sharafuddin Abdul Shukor. 2012. Konsep Kepimpinan Guru dalam Kalangan Guru di Tiga Buah Sekolah Menengah di Segamat. Tesis Sarjana Pendidikan. Serdang: UPM.

- Sofiah Mohamed, Karul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. 2016. Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1, Issue 2. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02> [1 Mac 2017].
- Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2016. Gaya Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Islam di Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Aceh Indonesia. Tesis Dr Fal. Jabatan Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suresh Kumar & Vellymalay. 2016. Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid Dalam Merangsang Kesedaran Terhadap Integrasi Etnik Dalam Kalangan Murid Di Bilik Darjah. *Jurnal Ilmi Ilmi Journal* Jilid 6 2016: 69-88.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Edisi Istimewa* (2012) 155-172.
- Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof. 2015. Trait Personaliti dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*. Vol. 8.